

# Lotus kini kebanggaan rai

Oleh Badrila Jamlus

BERMODALKAN \$25 (RM150) yang diberikan oleh bakal isterinya, pengasas Lotus Group Plc, Colin Chapman kini mungkin boleh berbangga kerana hasil usaha gigihnya, Lotus muncul sebagai di antara pengeluar kereta sports terkemuka dunia.

Walaupun beliau sudah meninggal dunia pada 1982, nama Lotus cukup sinonim bagi rakyat Britain dan bertambah kukuh dengan kemunculan pelbagai jenis model kereta sport yang berprestasi tinggi.

Model pertama yang dibina oleh Lotus ialah pada 1948 iaitu model dua pintu dan daripada kejayaan itu, Lotus terus menambah jumlah modelnya dengan memberi keutamaan kepada nilai pemanduan yang me-

**BH** 27 OCT 2000

**Dengan kehadiran Proton, Lotus tidak lagi hanya tertumpu kepada pengeluaran kereta sports tetapi terbabit dalam bidang kejuruteraan automotif bertaraf dunia**

nyeronokkan, inovasi dan sistem kawalan pemanduan yang baik.

Syarikat itu turut pernah terbabit dalam kejuaraan perlumbaan Formula Satu (F-1) sejak 1958 hingga 1994 dan menjadi juara Pengeluar Dunia tujuh kali dan juara Pemandu Dunia sebanyak enam kali.

Bagaimanapun, kini Lotus boleh menjadi kebanggaan rakyat Malaysia walaupun pada ketika dulu ia adalah milik rakyat Britain sekali gus menguntungkan

Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) yang menguasai Lotus pada Oktober 1996.

Proton dan pemegang saham terbesarnya ketika itu, Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad, membeli 80 peratus saham dalam syarikat pengeluar kereta sports Britain berkenaan, Lotus Group International Ltd, dengan harga \$51 juta (RM204 juta).

Yahaya bagaimanapun terbunuh dalam nahas helikopter pada Mac 1997.

Proton membeli 63.75 peratus saham Lotus dengan harga \$38 juta (RM152 juta) dan Yahaya 16.25 peratus dengan harga \$13 juta (kira-kira RM52 juta).

Dengan kehadiran Proton, Lotus tidak lagi hanya tertumpu kepada pengeluaran kereta sports tetapi terbabit dalam bidang kejuruteraan automotif bertaraf dunia termasuk mereka bentuk dan menghasilkan enjin untuk pengeluaran kereta lain dan menjalankan penyelidikan serta pembangunan (R&D) kepada mana-mana syarikat automotif.

Suntikan awal sebanyak RM120 juta oleh Proton bersama-sama dengan jaminan dan kemudahan yang bernilai lebih RM600 juta, mengubah kedudukan Lotus termasuk memiliki kemudahan kejuruteraan automotif bertaraf dunia di tapak bekas lapangan terbang Perang Dunia Kedua di Hethel, Norwich, England.

Dalam tempoh empat tahun Lotus dikuasai Proton, keputusan kewangan syarikat itu bertambah kukuh dengan perolehan \$104 juta (RM624 juta) pada 1997 hingga 1998 kepada \$111.6 juta (RM669.6 juta).

Keuntungan operasinya melonjak lebih dua kali ganda daripada \$6 juta (1997-1998) kepada \$10.2 juta (RM61.2 juta) bagi tempoh dari 1998 hingga 1999.

Selain itu, jumlah kakitangan Lotus turut meningkat daripada 1,100 kepada lebih 2,000 sekarang.

Lotus yang bernaung di bawah Proton kini dilihat kembali ke pasaran kereta sports termasuk dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Lotus Cars, Lotus Motorsport dan Lotus Engineering.

Ketika ini 10 peratus enjin daripada kereta baru yang dijual di Eropah direka bentuk oleh Lotus.

Proton menikmati sepenuhnya kepakaran yang dimiliki Lotus dan terbukti melalui penghasilan model terbaru Proton Waja yang dilancarkan pada Mei lalu dan sistem kawalan pemanduan yang ditingkatkan melalui model Perdana V6 dan Satria GTi.

Melalui kerjasama itu juga, Proton sekali lagi menjadi syarikat automotif pertama di Asia yang berjaya menghasilkan en-

jin buatan sendiri melalui projek enjin kecil Proton (SENG) yang dibangunkan bersama antara Lotus dan Proton.

Pengeluaran enjin itu memberi manfaat yang cukup bermakna kepada syarikat pengeluar kereta tempatan itu kerana Proton tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada pengimportan enjin yang dijalankan sekarang.

Projek SENG membabitkan 11 jurutera Proton, diketuai oleh Ketua Rekabentuk dan Analisa Proton, Azhari Che Hassan yang

ditempatkan di kilang Lotus di Hethel sejauh 190 kilometer dari London.

Pada 6 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat kemudahan kejuruteraan dan kilang Lotus di Hethel dekat Norwich dan meninjau sendiri pembangunan enjin prototaip SENG bagi kereta Proton serta merasmikan bangunan studio reka bentuk milik Lotus.

Enjin yang masing-masing berkuasa 1.3 liter dan 1.6 liter itu dijangka dikeluarkan secara komersil di

kilang Proton di Shah Alam. Enjin itu akan dipadankan pada kereta Proton Waja.

Selain itu, Proton turut terbabit dalam projek mengeluarkan Kereta Sport Malaysia dengan nama "Proton Ultimate" yang mana kereta itu dijangka bakal menyusuri jalan raya Malaysia menjelang 2003.

Model terbaru keluaran Lotus ketika ini ialah Lotus Exige, Elise 340R dan kereta konsepnya, M250 yang berharga kira-kira £40,000 (RM224,000) seunit.